

24 DEC 2002

Mahathir-MTUC/I

SELESAIKAN MASALAH KEPIMPINAN, ELAK PEREBUTAN KUASA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) perlu menyelesaikan masalah kepimpinan mereka dan mengelakkan perebutan kuasa, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil menasihatkan pemimpin-pemimpin kongres itu agar menyelesaikan masalah mereka secara baik, Perdana Menteri berkata ia adalah penting kerana krisis kepimpinan itu mungkin akan menjejaskan anggotanya.

"Saya fikir MTUC sendiri perlu menyelesaikan sendiri masalah mereka dan tidak sepatutnya ada sebarang perebutan kuasa. Ia mungkin menjejaskan anggota (kongres)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan mesin Komputer Kawalan Berangka (CNC), Master CNC 10HVA, keluaran pertama Taman Teknologi Malaysia di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas krisis MTUC ekoran keputusan presidennya Senator Zainal Rampak untuk menghabiskan penggalnya dan mengetepikan perjanjian bagi pengambil alihan pucuk pimpinan kesatuan itu.

Keputusan Zainal untuk tidak menyerahkan jawatan presiden kepada timbalannya Mohamad Shafie B.P. Mammal seperti dipersetujui menerusi perjanjian persefahaman yang ditandatangani oleh mereka berdua pada Februari, telah menyebabkan MTUC dilanda krisis kepimpinan.

Beberapa daripada 230 anggota gabungan badan itu telah secara terbuka mengkritik dan meminta Zainal agar berpegang pada janjinya bagi mengelakkan badan buruh terbesar negara itu hilang kewibawaan dan tidak dihormati.

Ketika diminta mengulas perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua pemimpin kesatuan sekerja itu dan tindakan Zainal yang tidak menghormati perjanjian itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak ada sebarang pandangan mengenai perkara itu.

"Tetapi bagi diri saya, apabila saya berkata bahawa saya akan mengundurkan diri pada Oktober, anda boleh pegang kata-kata saya bahawa saya akan mengundurkan diri. Apakah pandangan orang ramai, itu tidak penting," katanya,

Ditanya sama ada beliau mempunyai sebarang cadangan untuk bertemu kedua-dua pemimpin itu sekiranya krisis kepimpinan itu berlanjutan, Perdana Menteri berkata: "Tidak, saya fikir tidak. Saya fikir MTUC boleh menyelesaikan (masalah itu) sesama mereka."

Mengenai sama ada isu itu melibatkan kewibawaan seseorang individu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak mahu buat sebarang komen."

Pada sidang media itu, Dr Mahathir turut ditanya mengenai tindakan Singapura yang dilaporkan menggunakan pelbagai alasan bagi menyekat kemasukan barangan makanan dari Malaysia ke republik itu atas alasan mutu dan keselamatannya diragui.

Beliau berkata dakwaan itu perlu disiasat terlebih dahulu sama ada benar ataupun tidak.

"Kalau benar ini (dakwaan) ialah satu diskriminasi terhadap kita dan kita berhak untuk komplek tetapi sekiranya produk kita memang berkualiti rendah dan apa yang dituduh itu memang benar, kita tidak boleh komplek," katanya dan menurutnya para pengeluar Malaysia perlu memastikan bahawa produk mereka memenuhi piawaian dunia.

Ketua Pengarah Fama, Datuk Wan Ibrahim Wan Daud, hari ini dilaporkan sebagai berkata bahawa Malaysia akan kehilangan status pengeksport makanan terbesar ke Singapura berikutan tindakan republik itu menggunakan pelbagai alasan bagi menyekat kemasukan barang berkenaan.

Perdana Menteri yang turut ditanya sama ada kerajaan akan mengetatkan prosedur kutipan zakat berikutan wujudnya kegiatan mengutip wang zakat secara haram, berkata orang ramai sepatutnya membayar zakat di tempat yang telah disediakan.

Bagaimanapun, katanya amalan terdahulu yang mengamanahkan orang tertentu seperti guru agama di kampung mengutip zakat telah menyebabkan ada pihak yang mengutip zakat untuk diri mereka.

"Ini salah kerana duit zakat sepatutnya diagih kepada bahagian-bahagian tertentu tetapi guru agama di sesetengah tempat menganggap diri mereka sebagai berhak untuk mendapat zakat jadi ramailah orang yang membayar zakat pada orang ini.

"Itu kita nak kata tak bolehpun tak tahulah kerana ia berupa macam sedekah jugalah... nak sedekah ke apa itu bukan masalah tetapi jangan "formalise" (secara rasmi) pergi rumah ke rumah dan mengadakan kutipan derma yang tiada lesen, itu tidak bolehlah," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas serbuan Jabatan Agama Islam Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor ke atas sebuah syarikat yang dikesan mengutip zakat secara haram di sekitar Hulu Klang, Selangor membabitkan kira-kira RM1 juta sejak lebih sembilan bulan lepas.

Mengenai perkembangan Amerika Syarikat yang bercadang melancarkan perang ke atas Iraq, Dr Mahathir berkata : "Nampaknya akan berlaku perang tetapi saya berharap dan berdoa ianya tidak berlaku."

-- BERNAMA

HS AKT RHM